








DITERIMA

JURNAL TASAWWUR ISLAM

JILID 5

OGOS 2002 / JAMADILAKHIR 1423H

Kata Pengantar Sidang Pengarang

- 
1. **PERANAN ULAMA 'DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI KELANTAN: SUATU KAJIAN KHUSUS DI ANTARA TAHUN 1940 HINGGA 1990**
(Oleh Prof.Madya Dr. Asiah Ali) 1
 2. **PENDIDIKAN DARI PERSPEKTIF ISLAM:UiTM MENGHADAPI ALAF BARU**
(Oleh Prof. Madya Dr. Yaacob Yusoff) 11
 3. **WANG DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN KONVENSIONAL**
(Oleh Ezani Yaakub) 24
 4. **KESINAMBUNGAN AJARAN AGAMA ISLAM SAMAWI-MENURUT PERSPEKTIF OLD TESTAMENT, NEW TESTAMENT DAN THE LAST TESTAMENT (AL-QURAN)**
(Oleh Ghafarullahuddin Hj. Din) 48
 5. **SENI BINA MASJID DI MALAYSIA**
(Oleh Fairuzah Hj. Basri) 61
 6. **PRINSIP DAN ETIKA ISLAM DALAM PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR**
(Oleh Mohd Nor Mamat) 71
 7. **KEPERLUAN PENGURUSAN MAKLUMAT SECARA ISLAM**
(Oleh S.Salahuddin Suyurno) 82

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Pusat Pendidikan Islam
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM



WANG DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN KONVENSIONAL

(Oleh: Ezani Yaakub)

ABSTRAK

Artikel ini akan memumpukan kepada beberapa perkara berhubung dengan mata wang sejak dari awal Islam sehinggalah ke zaman kini. Persoalan mata wang ini amat penting kerana ia akan memberikan kesan langsung dalam kehidupan. Masalah perdagangan mata wang dan isu-isu semasa berkaitan dengan masalah wang juga akan dibincangkan, khususnya dari aspek kelemahan yang wujud. Tumpuan juga akan diberikan kepada aspek perbezaan antara sistem mata wang Islam dan konvensional, di samping mengemukakan beberapa alternatif kepada persoalan ini.

Pengenalan

Persoalan mata wang seringkali menjadi satu perkara dan isu yang amat penting dalam kehidupan manusia sejak dari awal tamadun manusia. Sejarah mata wang telah banyak mengalami berbagai perubahan bagi menyesuaikan dengan keperluan kehidupan manusia. Pengalaman yang berbeza telah menyebabkan terhasilnya bentuk pemahaman yang pelbagai dan tersendiri. Sehubungan ini adalah penting dalam memahami persoalan mata wang, terlebih dahulu memahami latarbelakang sejarahnya. Melalui pemahaman aspek ini, analisis persoalan mata wang akan dapat direnungi secara lebih mendalam.

Pengalaman kejatuhan nilai mata wang yang teruk di rantau Asia pada tahun 1997 telah memberikan satu lagi bahan penting dalam pengkajian tentang sejarah mata wang. Ianya secara langsung membuktikan bahawa masih banyak kelemahan yang perlu dilakukan dalam menangani persoalan seperti ini di masa hadapan. Pengalaman sejarah adalah antara ilmu yang amat berkesan dalam apa jua disiplin.

Gejala kejatuhan mata wang yang berlaku ini telah memberikan kesan yang amat serius dalam ekonomi negara. Semua pihak terlibat dalam krisis ini tanpa adanya pengecualian. Penglibatan ini sama ada secara langsung dan juga secara tidak langsung. Bagi pihak kerajaan dan institusi kewangan melihat perkara ini adalah satu yang mesti dihadapi secara langsung kerana mereka

merupakan pihak yang mengendali dan beraktiviti dengan perkara ini. Manakala secara umumnya pula, rakyat sesebuah negara atau pihak pengguna pula mereka ini juga terpaksa terlibat dalam kemelut ini secara tidak langsung terutama harga barangan dan kehidupan ekonomi isi rumah.

Di Malaysia, gejala kejatuhan matawang ini telah mendatangkan implikasi yang besar dalam sistem hidup bernegara yang berdaulat. Masalah ini tidak semata-mata memberi kesan kepada kesusutan nilai mata wang itu sahaja tetapi telah berkait dengan pelbagai masalah dalam ekonomi seperti masalah pertumbuhan ekonomi, inflasi, kejatuhan harga di sektor hartanah dan pasaran saham. Bursa Saham Kuala Lumpur dalam tempoh 4 bulan sahaja dari tempoh bermulanya kegawatan ekonomi telah jatuh hampir 50 % dengan menelan lebih daripada RM400 bilion nilai saham di pasaran. Nilai ringgit juga telah jatuh lebih dari 40 % berbanding dengan dolar AS.¹ Kini nilai ringgit Malaysia telah diikat dengan Dolar AS pada harga RM3.80.

Ada pihak telah mendakwa, bahawa kestabilan politik boleh terganggu serta kedaulatan negara boleh terjejas akibat kejatuhan mata wang yang dikawal oleh golongan spekulator dan manipulator. Bahkan ada pihak yang lebih ekstrim mendakwa, kejatuhan ini telah memusnahkan usaha pembangunan yang telah dilakukan sejak 40 tahun. Sehingga ada yang pemimpin negara mencadangkan agar digunakan kembali sistem Barter dalam perdagangan antarabangsa.²

Dakwaan ini mungkin ada kebenarannya. Lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi Malaysia yang berada dalam satu sistem global. Malaysia telah menerima pakai sistem yang telah diselaraskan melalui pelbagai agensi multilateral seperti IMF, WTO (*World Trade Organisation*) dan Bank Dunia. Bahkan pada masa akan datang satu agensi multilateral baru telah pun dicadangkan iaitu WFO (*World Finance Organisation*) yang dianggap sebagai satu komplimen kepada WTO.³ Dengan berada di bawah sistem global ini, secara tidak langsung meletakkan sesebuah negara dalam pertandingan yang boleh mengorbankan/tewas mereka yang lemah. Akibatnya terjadilah campurtangan negara luar dan juga kelemahan pentadbiran dalaman.

¹ *Tamadun*, Feb., 1998, m.s. 23.

² *Berita Harian*, 9 Jun, 1998, m.s. 2

³ *Tamadun*, Sept., 1998, m.s.13

Sejarah Wang

Sejarah awal mata wang sebenarnya adalah suatu yang tidak dapat dipastikan secara jelas. Namun penggunaan wang ini menunjukkan corak tamadun manusia yang semakin maju. Ahli-ahli sejarah ekonomi berpendapat bahawa kewujudan wang dalam tamadun manusia adalah hasil daripada perjanjian atau permaufakatan, bukannya hasil dari penciptaan seseorang individu. Ini adalah kerana penggunaan wang merupakan satu keperluan manusia. Naluri manusia telah mendorong kepada penggunaan satu alat pertukaran yang dapat memudahkan kehidupan mereka. Kebiasaannya mereka akan menggunakan keperluan yang berkaitan langsung dengan kehidupan persekitaran. Contohnya bagi kehidupan masyarakat yang berlatarbelakang memburu, alat pertukaran mereka ialah kulit-kulit binatang. Begitu juga dengan masyarakat nelayan, ikan kering akan dijadikan alat pertukaran. Penggunaan binatang ternakan seperti lembu sebagai alat pengukur harga telah diamalkan oleh masyarakat Yunani kuno. Selain dari itu penggunaan biji-biji manik, bulu burung, kain-kain daripada kapas telah dijadikan alat pertukaran. Oleh sebab itu masyarakat manusia dahulu telah menggunakan berbagai bentuk komoditi sebagai wang.⁴

Apabila tamadun manusia semakin maju, bahan-bahan logam pula telah digunakan sebagai wang. Tembaga adalah di antara logam yang terawal telah digunakan dalam kegiatan ekonomi manusia di zaman purba. Penggunaan logam ini sebagai wang telah berkembang buat beberapa ketika dan akhirnya berkurangan disebabkan oleh peredaran masa. Selain dari itu faktor nilai harganya yang tidak stabil dan semakin rendah dibandingkan dengan jumlah harta yang semakin bertambah. Setelah era ini berlalu, penggunaan mata wang logam perak dan emas pula digunakan sebagai wang oleh masyarakat manusia. Bahan logam ini dianggap suatu yang amat berharga. Wang yang berasaskan perak lebih meluas digunakan dibandingkan dengan emas. Ini adalah kerana penggunaan wang emas masih lagi terhad kepada beberapa bentuk urusniaga sahaja, khususnya dalam perdagangan antarabangsa. Keadaan seperti ini bermula sejak awal tamadun manusia sehingga abad ke 19. Penggunaan emas sebagai mata wang juga telah mendominasi penggunaan logam-logam lain. Kemerosotan harga perak pada abad 19 ini telah menjadikan perak sebagai mata wang kelas dua. Penggunaannya pula telah terhad kepada pertukaran di peringkat tempatan sahaja.⁵

Secara umumnya penggunaan meluas wang logam yang terdiri dari emas dan perak dalam tamadun manusia ini adalah disebabkan oleh beberapa

⁴ Lihat Abdul Mun'im, *Ensiklopedia Ekonomi Islam*, Jld. 2, 1992, m.s.519.

⁵ Ibid.

keistimewaan yang ada pada kedua-dua logam ini yang tidak ada pada logam-logam lain. Di antara keistimewaannya⁶ ialah:

- a. Emas dan perak dapat memenuhi keinginan sebagai keperluan kepada perhiasan dan penggunaan yang diterima oleh semua masyarakat manusia. Ini adalah kerana wang dianggap sebagai satu komoditi yang berfaedah dan boleh digunakan untuk pelbagai tujuan di samping sebagai perhiasan.
- b. Kedua-dua logam merupakan suatu yang mudah untuk dibawa, mempunyai nilai harga yang sangat tinggi dan dikehendaki oleh semua masyarakat manusia.
- c. Logam-logam ini mempunyai ciri ketahanan fizikal yang kuat dan selamat serta tidak berkarat seperti besi dan bahan yang tidak mudah rosak.
- d. Fizikal logam-logam ini juga boleh dipecah-pecahkan kepada unit-unit ukuran yang lebih kecil tanpa berlakunya pengurangan harga. Contohnya harga sekilo emas yang dibahagikan kepada kepada beberapa bahagian adalah sama dengan harganya yang belum dibahagikan.
- e. Mutu kedua-dua logam adalah lebih 'standard' yang membolehkan sesuatu urusan itu dilakukan di mana sahaja berdasarkan asas yang sama. Seseorang yang pakar dalam logam, dikatakan tidak mampu untuk membezakan emas keluaran berbagai lombong.

⁶ Ibid, m.s. 520-522

- f. Wang emas dan perak yang telah diproses mempunyai beberapa ciri keistimewaan dan tidak terdapat pada logam lain iaitu sukar untuk dipalsukan kerana memiliki warna, dengung bunyinya dan kepejalannya.
- g. Memiliki ciri ketahanan harga yang lebih stabil dibandingkan dengan logam-logam lain. Ianya tidak banyak masalah dibandingkan komoditi lain yang seringkali berubah seperti bijiran.

Kedudukan Mata Wang Dalam Sejarah Islam

Telah dimaklumi bahawa sejarah mata wang telah melalui sejarah evolusinya yang lama. Apabila kerajaan Islam mulai ditubuhkan oleh Rasulullah s.a.w. maka kesan-kesan tamadun terdahulu dan persekitaran meninggalkan kesan dalam pelbagai aspek, termasuklah soal mata wang. Penggunaan mata wang *dinar* digunakan secara meluas oleh penduduk Rom. Mata wang *dirham* pula sering digunakan oleh penduduk Parsi. *Dirham* yang digunakan mempunyai berbagai timbangan dan saiz. Faktor ini menyebabkan penduduk Mekah pada zaman jahiliyah tidak menggunakannya secara meluas. Di samping itu mereka juga mempunyai sistem timbangan tersendiri seperti '*ritil*' (12 *awqiyah*) dengan 1 *awqiyah* bernilai 40 *dirham*.⁷

Merujuk kepada penggunaan mata wang *dinar* dan *dirham*, al-Qur'an juga telah menyebut persoalan ini beberapa kali. Ayat-ayat ini secara jelas menggambarkan kedudukan wang dalam kehidupan manusia. Allah s.w.t telah berfirman:

"Dan di antara ahli kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, ia akan kembalikannya (dengan sempurna) kepadamu dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar pun ia tidak akan mengembalikannya kepadamu".

(al-Qur'an, Ali Imran 3:75)

⁷ Lihat Ali Al-Maqrizi, *Al-Nuqud al-Islamiyyah*, 1967, m. s. 25

Begitu juga dengan mata wang *dirham*, Allah s.w.t. telah berfirman:

"Dan (setelah berlaku perundingan) mereka menjualnya dengan harga yang murah, iaitu beberapa dirham sahaja harganya...".

(al-Qur'an, Yusof 12:20)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa penggunaan mata wang *dinar* dan *dirham* adalah suatu yang telah dipraktikkan oleh masyarakat pada masa itu. Transaksi yang dilakukan penggunaan mata wang, walaupun pada permulaannya tidak meluas, adalah merupakan antara kaedah urusniaga yang dilakukan selain daripada pertukaran barang. Oleh itu ianya bukan suatu yang asing dalam sejarah kewangan manusia pada masa itu.

Apabila terbentuknya negara Islam Madinah pada 622 Masehi, Rasulullah s.a.w. telah menetapkan satu polisi kewangan yang amat berguna dalam sejarah ekonomi dan kewangan manusia sejagat. Melalui kekuasaan politik yang ada, Baginda telah mengarahkan bahawa sistem timbangan mata wang yang digunakan ialah berdasarkan amalan penduduk Mekah. sabda Nabi s.a.w. :

"Timbangan adalah timbangan mata wang penduduk Mekah manakala sukatan mengikut sukatan Madinah"⁸

Kaedah piawai mata wang ini telah menjadi satu sistem dalam di Madinah. Banyak urusan harian menggunakan piawai ini sama ada dalam sektor awam dan juga swasta. Sistem yang standard ini telah memudahkan aktiviti hidup manusia. Satu fakta yang penting di sini ialah, walaupun telah berlalu beberapa tamadun besar dunia tetapi penggunaan satu sistem mata wang yang standard tidak berlaku. Kesan yang penting dalam sejarah ekonomi dan kewangan ialah penggunaan yang bersifat global dalam akitiviti kehidupan manusia. Sejak dari awal tamadun Islam sehinggalah ke era moden, sistem ukuran kewangan yang mengikut kaedah dan prinsip piawai standard ini telah digunakan dengan berkesan dan adil.

Selain dari itu, Rasulullah s.a.w. juga telah mewajibkan zakat harta dengan piawai *dinar* dan *dirham* mengikut tempoh akaun haulnya yang tersendiri. Kuatkuasa kewajipan ini adalah pada tahun kedua Hijrah. Bagi setiap lima *uqiyah* perak dikenakan lima *dirham* dan setiap dua puluh *dinar*, dikenakan setengah *dinar*.⁹ Fakta ini secara jelas dapat difahami bahawa, emas dan perak

⁸ Ibid, m.s.6

⁹ Ibid.

merupakan mata wang yang disyariatkan sejak dari zaman awal pemerintahan Rasulullah s.a.w.¹⁰ Ini bermaksud penggunaan mata wang yang berasaskan emas dan perak adalah suatu yang telah disunnahkan oleh Nabi. Oleh itu setiap perkara yang telah disunnahkan merupakan satu yang wajib diikuti atau diperjuangkan setiap masa. Dari segi catatan yang pasti bahawa tarikh penguatkuasaan sebenarnya belum dapat dipastikan, namun ianya telah dimaklumi dari segi pensejarahannya bahawa penggunaan sistem mata wang telah pun digunakan secara meluas sejak dari awal penubuhan kerajaan Islam Madinah lagi.

Selain dari itu, Rasulullah s.a.w. juga menetapkan satu polisi penting lain berhubung dengan mata wang. Setiap unit mata wang yang digunakan mestilah mengikut nilai semasa. Ini berdasarkan satu hadis, di mana Ibn Umar bertanya Rasulullah s.a.w. tentang kadar wang semasa, katanya:

"Wahai Rasulullah bolehkan aku jual unta dengan dinar dan aku mengambil dirham dan aku jual dengan dirham kemudian aku mengambil dinar dan aku mengambil ini daripada ini? Lalu Nabi bersabda: "Tidak, mengapa anda mengambilnya mengikut harga semasa".

Polisi ini jelas membuktikan kekuatan dan keadilan dalam sistem kewangan Islam. Ianya satu ketetapan yang ekonomik dan bijaksana. Sehingga kini polisi ini menjadi pilihan banyak pihak dalam aspek ekonomi, kewangan dan perakaunan. Kebanyakan pengukuran nilai harga dan kadar ekonomi dan kewangan ditentukan oleh nilai harga semasa. Kaedah ini amat realistik dan sangat penting khususnya dalam sistem perakaunan.

Satu fakta penting lagi yang perlu diketengahkan ialah berhubung dengan hadis yang mengharamkan *riba al-Fadl* dan *al-Yad*, Rasulullah s.a.w. telah bersabda :

"Dari Abu Said: Bilal telah membawa kepada Rasulullah s.a.w. beberapa buah tamar yang berkualiti tinggi. Rasulullah terus menanya Bilal di manakah beliau mendapat buah-buah tamar itu. Bilal menjawab, "Saya mempunyai beberapa tamar yang kurang kualitinya dan saya menukar dua sa untuk satu sa". Lantas Rasulullah s.a.w. bersabda, "Jangan, Perbuatan ini adalah riba. Jangan ulangi perbuatan ini. Jika kamu ingin membeli, jual tamar yang berkualiti

¹⁰ Yusuf al-Qardsawi, *Fiqh al-Zakat*, 1986, m.s. 244

rendah untuk wang dan selepas itu belikan tamar yang berkualiti tinggi dengan wang kamu perolehi".¹¹

(Muslim)

Manakala dalam satu hadis lain yang juga menganjurkan perkara yang hampir sama, Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

"Dari Abu Saïd dan Abu Hurairah: Seorang yang bekerja dengan Rasulullah s.a.w. di Khaibar telah membawa kepada Baginda janibs (sejenis tamar yang bermutu tinggi) Rasulullah menyoal orang itu sama ada senua buah-buah tamar di Khaibar berkualiti begitu.. Jawab orang tersebut, kualiti tamar di Khaibar tidak kesemuanya sedemikian dan menyatakan bahawa dia telah menukar satu sa jenis yang baik untuk dua atau tiga sa jenis yang kurang baik, Rasulullah seterusnya bersabda: "jangan kamu ulangi perbuatan ini. Jualkan tamar yang kurang baik untuk beberapa dirham dan gunakan dirham-dirham tersebut untuk membeli janibs. Apabila tamar ditukar dengan tamar, maka hendaklah sama dalam timbangan".¹²

(Bukhari)

Kedua-dua hadis ini bagi ahli ekonomi dan kewangan merupakan satu titik tolak ekonomi dari sistem barter kepada sistem mata wang. Pengharaman sistem barter yang mengandungi *riba al-Fadl* dan *al-Yad* ini dengan alternatif yang membenarkan transaksi-transaksi menggunakan nilai mata wang, sebenarnya bukan semata-mata merujuk kepada persoalan *riba* sahaja tetapi juga merupakan satu arahan Rasulullah s.a.w. tentang dasar kewangan negara Islam.¹³

Dalam aspek ekonomi, kelemahan dalam sistem barter yang tidak digalakkan oleh Rasulullah s.a.w. ialah menimbulkan dua kos dalam ekonomi selain daripada kemungkinan berlakunya *riba*. Dua kos tersebut ialah kos pertukaran (transaction costs) dan kos menunggu (waiting costs). Kos pertukaran ialah yang berkaitan dengan kos pelaksanaan perniagaan dan kos menunggu pula ialah akan meningkat apabila bertambahnya jarak masa pertukaran.¹⁴ Kedua-dua kos ini akan berlaku dalam ekonomi yang berasaskan sistem barter. Dengan menggunakan sistem mata wang, masalah ini dapat

¹¹ Bukhari, *Sahih*, tran. Muhamad Mohsin, Vol.3, p. 29

¹² Bukhari, *Sahih*, tran. Muhamad Muhsin, Vol.3, p.322

¹³ Lihat Mahmud Abu Saud, 'Money, interest and Qirad, dalam "Studies in Islamic Economics, ed. Khurshid Ahmad, 1980, m.s. 59-84.

¹⁴ Nik Mustapha Nik Hassan, *Peranan Wang*, dalam Kursus Ekonomi Islam di ITM Shah Alam 1987, m.s. 13

diminimakan atau diatasi. Ini akan menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi kerana wang itu dapat dioptimumkan penggunaannya dalam aktiviti pertukaran.

Perkembangan sistem mata wang ini diteruskan lagi oleh khulafa' al-Rashidin. Pada zaman khalifah Umar al-Khattab iaitu pada 18 Hijrah/632-40 selepas enam tahun menjadi khalifah ukuran standard mata wang telah dilakukan dengan 10 *dirham* bersamaan dengan 6 *misqal*. Wang ini telah dicatat dengan perkataan *Alhamdulillah, Muhammad Rasulullah, La ilah illa Allah* dan Umar.¹⁵ Dalam setengah catatan, berat mata wang *dinar* ialah 4.25gm¹⁶ dan *dirham* ialah 3gm.¹⁷ Sejarah mata wang dalam tamadun Islam telah berkembang amat pesat. Ia berkembang secara langsung sehingga kejatuhan kerajaan Uthmaniah Turki dan kerajaan Safavid Parsi. Sistem ini juga telah mempengaruhi sistem mata wang Barat sehinggalah ke era zaman moden.

Dalam hukum fiqh, mata wang menurut Imam Malik r.a. telah menyatakan bahawa 'wang' ialah apa-apa 'barangan' yang kebiasaannya diterima pakai sebagai bahan tukaran.¹⁸ Ini adalah kerana pada masa itu, sistem barter terus dipraktikkan bersama dengan sistem mata wang. Sejarah membuktikan bahawa dari segi perundangan, apa jua yang mempunyai nilai harga yang dibenarkan oleh syarak boleh dijadikan wang tanpa apa-apa paksaan walaupun ukuran kewangan yang digunakan adalah berdasarkan mata wang. Manusia diberi kebebasan dalam menggunakan apa sahaja barangan atau wang sebagai tukaran yang dapat menjamin keadilan serta diyakini barang atau wang dapat mempertahankan nilai dan manfaatnya kepada manusia. Sehingga kini faktor dan kaedah ini terus dipertahankan dalam perundangan Islam. Oleh itu sistem mata wang sepatutnya dapat terus memberi manfaat kepada kehidupan manusia dan bukan sebaliknya. Hukum harusnya pertukaran mata wang dalam perundangan Islam yang telah dibincangkan secara meluas dalam kitab-kitab fiqh sejak dari dulu lagi. Ini dapat dilihat dalam bab *Sarf*. Pengharusan ini adalah berdasarkan syarat-syarat yang tertentu dan juga kerana manfaatnya pada manusia.¹⁹

¹⁵ Maqrizi, op.cit, m.s.8

¹⁶ The Encyclopaedia of Islam, Vol.3, 1983, m.s.297, James N, Robert, Early Islamic Coins, dalam <http://w3.nai.net/~jrobert/home.htm>

¹⁷ Murabitun @netmatters.co.uk,m.s.2

¹⁸ Malik bin Anas, *Al-Muwatta*

¹⁹ Lihat Wahbah al-Zihaili, *Fiqh dan Perundangan Islam*, Jld.4, 1995, m.s. 622-674

Konsep Dan Peranan Wang Masakini

Perkembangan ekonomi manusia telah banyak mempengaruhi persoalan kewangan. Sehingga dari segi pentakrifan terhadap wang pun telah diberikan dengan dua pendekatan yang tersendiri. Keadaan ini adalah kerana mengambilkira realiti semasa yang berlaku. Wang dari segi pendekatan yang lebih klasik didefinisikan sebagai apa sahaja yang diterima sebagai bayaran kepada barangan dan perkhidmatan atau sebagai penyelesaian kepada sesuatu hutang.

Sebaliknya dari segi pendekatan kedua yang dianggap sebagai yang lebih realistik telah mendefinisikan wang mengikut peranan yang dimainkan oleh wang itu sendiri. Sehubungan dengan ini wang telah dikategorikan mengikut fungsi-fungsinya iaitu:

- a. Sebagai alat perantaraan pertukaran
- b. Sebagai penyimpan nilai di antara pertukaran
- c. Sebagai pengukur nilai ekonomi
- d. Sebagai asas kepada bayaran tertunda

Walau apapun peranan wang, fungsinya yang utama tetap sebagai alat perantaraan pertukaran. Fungsi ini telah disepakati oleh semua pihak sama ada tokoh-tokoh Islam dan Barat. Ini adalah kerana wang pada sifatnya hanyalah semata-mata sebagai medium pertukaran yang digunakan dalam transaksi. Dengan pendekatan ini, fahaman Islam terus berpegang bahawa wang pada hakikatnya tidak boleh atau mampu mendatangkan pulangan. Wang tidak mempunyai apa-apa nilai kegunaan. Ianya hanya akan memberi pulangan apabila wang tersebut dilaburkan dalam proses pengeluaran. Oleh itu wang secara jelas hanya berperanan semata-mata sebagai satu alat yang digunakan dalam proses pertukaran bagi memantapkan perjalanan ekonomi. Dengan bantuan alat ini, sesebuah ekonomi negara sepatutnya akan menghasilkan pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi dan bukan sebaliknya. Dengan ini wang sewajarnya tidak akan memberi kesan langsung kepada keadaan ekonomi sesebuah negara.

Sistem Mata Wang Semasa

Dari segi latar belakang sistem mata wang kini, ia sebenarnya telah mengalami banyak perubahan dalam pelbagai aspek sama ada dari segi struktur dan operasinya. Perubahan ini adalah bagi menyesuaikan dengan tuntutan keadaan seperti persoalan perdagangan antarabangsa, krisis-krisis ekonomi yang melanda

kebanyakan negara dan mekanisme tukaran wang asing. Justeru itu, persoalan mata wang telah menjadi satu gejala yang berterusan.

Dari segi sejarah, sebelum tahun 1914, negara-negara di seluruh dunia menetapkan nilai mata wang masing-masing adalah berdasarkan emas. Penetapan ini melibatkan kandungan emas dalam setiap unit mata wang dan juga nilai emas itu sendiri. Kaedah ini dikenali sebagai "Min Pariti Penukaran". Kadar turun naik pertukaran hanya dihadkan kepada peratusan yang kecil sahaja yang juga berkaitan dengan kos pengangkutan emas. Semua negara dibenarkan mengimport atau mengeksport dengan maksud membeli atau menjual emas yang berfungsi sebagai kaedah pembetulan kepada imbalan pembayaran.²⁰ Dengan ini, jumlah emas yang dipegang oleh sesebuah negara mempengaruhi keadaan aktiviti ekonomi dan aliran tunai tempatan.

Namun pada tahun 1931, sistem ini telah menemui kegagalan. Faktor kegagalan ini antara lain disebabkan oleh masalah perang dunia yang berlaku dan juga kerana terdapat negara yang telah melanggar peraturan yang telah ditetapkan, khususnya dalam masalah aliran keluar emas.²¹ Bagi mengimbangi keadaan ini, negara-negara yang terbabit telah tidak mengurangkan penawaran wang tempatan seperti yang telah ditetapkan. Begitu juga bagi negara yang mempunyai lebihan emas telah engkar untuk mengembangkan proses penawaran wang mereka.

Kecelaruan sistem mata wang berlarutan sehinggalah peperangan Dunia Kedua iaitu apabila satu persidangan diadakan pada 1944 di Amerika Syarikat yang dikenali sebagai Perjanjian Bretton Woods. Perjanjian ini telah berjaya menubuhkan dua institusi kewangan penting iaitu Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia. Melalui perjanjian ini juga satu sistem mata wang telah dipersetujui. Setiap negara anggota perlu menetapkan nilai mata wang masing-masing berasaskan emas tetapi tidak perlu ditukarkan dengan emas. Hanya mata wang Dolar Amerika sahaja yang perlu ditukarkan kepada emas dengan satu nilai yang ditetapkan iaitu AS\$35 setiap auns emas. Perjanjian ini juga telah bersetuju bahawa setiap mata wang negara anggota tidak boleh diubah melebihi satu peratus daripada nilai par dengan penambahan dan pengurangan rizab tukaran asing. Sistem ini telah menjadikan IMF satu badan yang sangat penting dalam memantau persoalan kewangan dunia.

²⁰ Lihat Rosli Mahmood, *Perdagangan Antarabangsa*, 1998, m.s. 64

²¹ *Ibid*, m.s.65

Pada peringkat permulaan, sistem yang dihasilkan ini telah berjaya menyakinkan masyarakat dunia dalam urusan perdagangan antarabangsa dengan menstabilkan sistem pertukaran mata wang. Namun pada akhir 1960an, ianya kembali meragukan kerana berlakunya defisit imbangan pembayaran yang besar di Amerika Syarikat dan Dolar juga telah dijadikan rizab utama dunia. Implikasinya ialah Dolar tidak lagi menjadi asas penukaran kepada emas. Di samping itu, banyak mata wang utama yang lain dibiarkan naik nilainya berbanding Dolar. Sistem ini akhirnya menemui kegagalan pada penghujung tahun 1971.²²

Usaha menangani persoalan ini diteruskan lagi dengan mengadakan satu lagi persetujuan, iaitu "Perjanjian Smithsonian". Beberapa perubahan dasar dan teknikal telah dikemukakan. Kebanyakan negara telah membiarkan mata wang masing-masing terapung mengikut pasaran dengan mengabaikan sistem kadar tetap rasmi. Namun nasib yang sama sistem sebelumnya, menimpa perjanjian ini. Kecelaruhan dalam sistem mata wang ini terus menemui kegagalan walaupun kadar pertukaran dibenarkan terapung secara bebas sejak 1973. Pelbagai masalah baru wujud dalam sistem mata wang seperti masalah inflasi dan spekulasi.

IMF sebagai badan utama dunia dalam isu ini sekali lagi telah mengadakan satu persetujuan yang dikenali sebagai "Perjanjian Jamaica". Perjanjian ini lebih menumpukan kepada peraturan menguruskan sistem kadar pertukaran terapung agar lebih efektif yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi dunia. Perjanjian ini telah bersetuju memberikan tiga pilihan kepada negara anggota dalam melaksanakan sistem kadar pertukaran wang, iaitu:

1. Mengekalkan nilai mata wang berasaskan Hak Pengeluaran Khas (SDR) atau denominator lain, atau;
2. Mengadakan perjanjian kerjasama dengan negara ahli yang lain untuk mengekalkan nilai mata wang dengan nilai mata wang negara ahli lain, atau;
3. Mengadakan perjanjian lain yang dipilih oleh negara ahli itu sendiri.²³

²² *Ibid*, m.s.67

²³ *Ibid*, m.s.69

Sistem ini lebih digemari oleh kebanyakan negara melalui beberapa kelonggaran yang diberikan, khususnya melalui sistem kadar terapung terurus. Ia juga secara langsung telah menghapuskan sistem kadar pariti tetap yang 'rigid' dalam konteks semasa.

Isu-Isu Wang Kini

Terdapat pelbagai isu yang telah terhasil kesan daripada kelemahan sistem mata wang kini. Sejarah wang kertas yang digunakan beberapa ketika dahulu adalah bersandarkan emas. Sehingga tahun 1971, kadar pertukaran mata wang adalah tetap. Setiap cetakan wang kertas mestilah bersandarkan jumlah emas yang tertentu. Walau bagaimanapun kaedah sandaran ini juga telah berubah. Sistem ini yang ada pada konsepnya masih lagi berpegang pada Sunnah Nabi ini, telah bertukaran kepada 'Sunnah Amerika'. Presiden Nixon telah memansuhkan sistem ini pada tahun 1971 dan enggan mengeluarkan emas, setelah negara-negara Eropah tidak mahu lagi menerima dolar sebaliknya menghendaki emas. Keengganan ini adalah akibat dari penyalahgunaan sistem mata wang oleh Amerika kerana telah berbelanja terlalu besar untuk Perang Vietnam. Malangnya sistem pertukaran fleksibel yang menggantikan sistem pertukaran tetap itu telah diterima pakai oleh sebahagian besar negara di dunia. Dalam pasaran global kini, ia menjadi terlalu dominan dan seperti yang telah dinyatakan di atas menyebabkan kegiatan meraih keuntungan melalui spekulasi berkembang pesat. Seorang tokoh pengurusan kewangan, Peter Drucker pada tahun 1985 menyatakan bahawa nilai pertukaran mata wang adalah 11 kali ganda lebih daripada nilai sebenar perdagangan dan perkhidmatan. Manakala Prof. Jomo Sundram berpendapat nilai ini pada tahun 1996 telah mencecah 40 kali ganda hasil dari kegiatan spekulasi.²⁴ Dengan demikian wang kertas yang digunakan sebenarnya hanyalah satu resit bercetak yang dipercayai mempunyai nilai. Wang jenis ini pada hakikatnya tidak mempunyai apa-apa nilai kegunaan. Sebenarnya kepercayaan manusia terhadap wang yang dapat digunakan dalam pertukaran adalah satu yang diistilahkan sebagai 'contigent'. Dengan ini ianya semata-mata mempunyai nilai di atas keyakinan manusia pada sesuatu masa, tempat dan keadaan semata-mata. Kepercayaan ini boleh hilang atau berkurangan apabila berlaku sesuatu perkara yang boleh menggugat ketahanan nilainya yang terlalu abstrak itu, seperti masalah peperangan dan keadaan ketidakstabilan politik dalam sesebuah negara.

Wang kini telah menjadi salah satu dasar penting bagi kedaulatan politik sesebuah negara. Mata wang kini sama ada yang bercetak atau wang maya ini dijamin oleh undang-undang sesebuah negara sahaja dan dipercayai dapat

²⁴ *Tamadun*, Julai, 1998, m.s.15

mempertahankan nilainya oleh masyarakat, walaupun pada hakikatnya nilainya sentiasa menurun. Pihak bank pusat tertentu, yang dinaungi oleh golongan Yahudi dan negara tertentu sentiasa mengambil kesempatan dengan mencetak wang kertas secara berlebihan dan meminjamkan pula kepada pihak lain. Justeru itu, pihak ini akan mendapat keuntungan dalam banyak sudut sama ada dalam aspek spekulasi, keuntungan dari cetakan yang berlebihan dan keuntungan dari pengenaan kadar faedah hasil dari pinjaman yang diberikan.

Permasalahan wang kini telah memberi kesan yang mendalam kepada manusia. Ia seolah-olah membentuk satu fahaman atau keyakinan teguh terhadap angka harga yang dicetak di atasnya dan nilai tukaran yang dipaksa oleh kuasa pasaran. Adalah tidak munasabah Indonesia terpaksa mencetak lebih daripada 13,000 keping kertas rupiah untuk mendapatkan sekeping pound sterling. Kos mencetak bagi wang rupiah pun sudah melebihi kos untuk pound. Pepatah Melayu menyebut "*Mahal tali daripada berok*".

Dalam urusan perdagangan antarabangsa, penggunaan mata wang Dolar sebagai pengukur nilai pertukaran telah memerangkap banyak pihak dalam masalah inflasi ini. Dolar Amerika sebenarnya bukannya satu alat penyukat yang standard. Ia sendiri adalah alat yang dicetak dan nilainya dipaksa oleh kuasa pasaran yang tidak jelas dan amat mudah untuk dieksploitasikan semata-mata di atas nombor nilai yang telah dicetak.

Penyimpanan wang di bank-bank sekarang pun tidak selamat. Gejala 'kecurian sah' iaitu masalah susut nilai yang sentiasa wujud. Dalam keadaan tertentu, wang kini boleh lupus langsung kesan dari pembekuan akaun atau bank telah ditutup kerana bangkrap. Keadaan seumpama ini telah berlaku di negara jiran iaitu Indonesia dan Thailand. Ganjaran kadar faedah lebih daripada 10 peratus setahun pun sudah tidak memberi apa-apa kesan lagi akibat susut nilai wang yang berlaku melebihi apa yang diperolehi.

Dilema ini boleh menimpa sesiapa sahaja. Bahkan hubungan kerabat atau sahabat juga boleh tertindas tanpa niat apabila berlakunya pinjaman. Contohnya seorang adik telah memberikan wang sebanyak RM3,000 dan abangnya hanya pulangkan RM3,000 itu selepas 5 tahun di atas asas tanpa *riba*. Memang dari segi jumlah tidak berlakunya *riba*. (Walaupun ini tidak menepati maksud sebenar *qard al-hasan* dalam Islam). Dengan berlalunya tempoh 5 tahun, nilai RM3,000 itu tidak lagi menepati nilai atau kuasa membelinya. Kemungkinan nilainya telah susut lebih dari 30% (RM900) dengan nilai kuasa beli semasanya hanya tinggal RM2100. Adalah tidak tepat dari segi sistem nilai mata wang kini membayar balik pada kadar yang sama untuk mengelakkan

daripada *riba*. Ini adalah kerana pemberi pinjam itu telah menghadapi tiga masalah utama iaitu kos zakat, masalah penggunaan wang untuk kegunaan penabungan atau pelaburan diri sendiri dan juga susut nilai yang telah berlaku pada mata wang itu selain dari tekanan psikologi dan pengorbanan.

Kenapa Berlakunya Turun Naik Nilai Mata Wang?

Secara teorinya, nilai sesuatu mata wang ditentukan oleh permintaan dan penawaran. Jika permintaan sesuatu mata wang itu melebihi penawaran, nilai mata wang itu meningkat. Sebaliknya jika penawaran melebihi permintaan, nilai sesuatu wang itu akan jatuh. Kedudukan permintaan dan penawaran ini secara umumnya ialah berkaitan dengan hubungan ekonomi antara sesebuah negara. Dari segi permintaan, pihak luar negara yang membeli sesuatu barangan dan perkhidmatan terpaksa membuat bayaran berdasarkan dalam bentuk mata wang tempatan. Semakin tinggi permintaan pihak luar terhadap sesuatu barangan dan perkhidmatan (eksport), permintaan terhadap mata wang tempatan akan juga akan semakin meningkat dan mempengaruhi peningkatan nilainya.²⁵

Dari segi penawaran mata wang tempatan pula, ia dilakukan oleh pihak di dalam negeri itu sendiri. Keadaan ini berlaku apabila mereka membeli barangan dan perkhidmatan dari luar negara. Penawaran mata wang tempatan untuk ditukarkan kepada mata wang negara yang telah menjual barangan dan perkhidmatan tersebut. Semakin tinggi pula permintaan tempatan terhadap barangan dan perkhidmatan (import), penawaran mata wang tempatan akan meningkat dan mempengaruhi penurunan nilainya.

Kedua-dua faktor di atas, jelas mempengaruhi persoalan permintaan dan penawaran sesuatu mata wang. Eksport adalah faktor penyumbang kepada permintaan sesuatu mata wang, manakala import sebaliknya menjadi faktor penyumbang kepada penawaran sesuatu mata wang. Jika eksport melebihi import, permintaan mata wang tempatan akan melebihi penawarannya dan akan meningkatkan nilai mata wang tersebut. Sebaliknya seandainya import melebihi eksport, penawaran mata wang tempatan akan melebihi permintaan dan akan menurunkan nilai mata wang tersebut.

Selain dari faktor di atas, masalah aliran keluar masuk modal dan wang ke dalam dan ke luar negara juga menjadi penentu kepada persoalan turun naiknya nilai mata wang. Kemasukan modal dan wang dari luar negara ke dalam sesebuah negara akan meningkatkan permintaan terhadap mata wang

²⁵ Lihat *Dewan Masyarakat*, Feb., 1993, m.s.28

tempatan. Ini adalah kerana modal dan wang luar tersebut perlu ditukar terlebih dahulu kepada mata wang tempatan.

Dengan secara jelas menunjukkan bahawa teori nilai sesuatu mata wang adalah dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu eksport dan import barangan dan perkhidmatan serta aliran masuk dan keluar modal menjadi penentu pada tingkat harga. Inilah yang menjadi asas penentu kepada kejatuhan, kenaikan dan kestabilan sesuatu mata wang.²⁶ Dan faktor-faktor ini secara langsung menjelaskan bahawa keteguhan ekonomi sesebuah negara akan memberi kesan kepada nilai mata wang negara. Ekonomi yang mantap akan memberi kesan kepada kenaikan eksport dan seterusnya menaikkan sesuatu mata wang dan begitu juga sebaliknya.

Walau bagaimanapun kaedah dan teori-teori di atas sering dibatasi dengan satu masalah besar iaitu spekulasi mata wang. Contohnya pada pertengahan tahun 1995, Mexico telah menghadapi krisis ini akibat dari defisit akuan semasa yang besar.²⁷ Negara-negara Asia Tenggara khususnya, pada masa itu telah mengangap keadaan ini tidak akan berlaku di rantau ini kerana kadar pertumbuhan negara-negara begitu pesat. Malangnya, betapa 'cekap pengurusan ekonomi negara', masalah spekulasi telah menggugat kestabilan mata wang rantau ini dengan begitu hebat. Ianya telah dimanupulasi dan dispekulasikan oleh pihak tertentu atau oleh para spekulator sama ada dari dalam atau luar negara. Nama-nama spekulator seperti George Soros, Milken dan Rothschild menjadi sebutan ramai. Nama Soros khususnya, telah lebih popular dan dikenali daripada timbalan-timbalan menteri di Malaysia.

Wang dan Riba

Teori permintaan dan penawaran wang dalam sistem ekonomi konvensional, antara faktor utama yang mempengaruhinya ialah kadar bunga. Oleh itu wang dan *riba* dalam konteks ini adalah satu perkara yang saling berkaitan antara satu sama lain. Dalam sistem ini, tanpa *riba* mustahil wang itu dapat dikawal dan sebaliknya wang dengan sifat asalnya amat diperlukan bagi menjalankan aktiviti ekonomi.

Sistem kewangan kini sebenarnya adalah telah dinaungi oleh sistem kadar bunga dalam pelbagai aspek. Sehingga masalah kawalan wang oleh mana-

²⁶ Ibid

²⁷ *Tamadun*, Julai, 1998, m.s.14

mana bank pusat di seluruh dunia adalah berasaskan kadar bunga. Ia menjadi alat utama bagi membantu wujudnya keseimbangan antara permintaan dan penawaran wang oleh bank pusat. Oleh itu dalam konteks ini, masalah wang *riba* itu memang tidak dapat dipisahkan.

Berdasarkan latarbelakang ini pada pandangan ulama-ulama Islam yang berwibawa seperti Sheikh Muhamad Abduh, telah mengemukakan pandangan yang dianggap kontroversi, iaitu mengharuskan kadar faedah. Implikasinya ada sarjana-sarjana Muslim yang tidak berlatarbelakangkan 'pendidikan agama' khususnya yang dikatakan mempunyai semangat Islam telah menghentam hebat. Kritikan ini dilakukan secara semborono tanpa langsung berasaskan ilmu dan kaedah fiqh.²⁸ Persoalan ini sebenarnya perlu dilihat oleh mereka yang berkepakaran dalam pelbagai bidang dan mempunyai siasah yang tinggi. Oleh yang demikian persoalan *riba* dan wang ini perlu diselesaikan dalam perspektif yang amat komprehensif.

Wang dan Inflasi

Inflasi adalah satu gejala utama yang akan dihadapi oleh sesebuah negara, khususnya bagi negara pasaran bebas. Ia telah menjadi satu masalah ekonomi yang hampir mustahil untuk dibendung. Lebih-lebih lagi apabila sejak era tahun 70 an, fenomena ini semakin kompleks dan menjadi penyakit ekonomi sejagat.²⁹ Ini adalah kerana masalah ini tidak lagi terhad kepada negara-negara tertentu sahaja tetapi ia boleh menular kepada mana-mana negara tanpa ada kuasa untuk menahannya. Walaupun sesebuah negara itu telah ditadbir dan diurus dengan cekap, masalah inflasi ini tetap tidak dapat ditangkis. Lebih memburukkan keadaan ini ialah semakin disekat inflasi semakin banyak masalah lain yang mungkin timbul. Dari masalah ekonomi yang sedikit boleh menular kepada bala bencana yang mampu untuk memporak-perandakan keadaan sesebuah negara.

Sebenarnya, bahana inflasi ini bukan sahaja dirasai oleh golongan tertentu sahaja. Ia akan dirasai oleh semua pihak dalam sesebuah negara, daripada sedaif-daif rakyat sehingga mereka yang paling kaya. Para pengguna, pekerja, pelabur, suri rumah, anak-anak sekolah, masing-masing akan merasai bebanan ini secara berbeza kesan dari kenaikan harga ini. Bagi ahli ekonomi, inflasi secara asasnya dibahagikan kepada tiga jenis iaitu inflasi tarikan permintaan, inflasi tolakan kos dan inflasi struktur.

²⁸ Di antara contoh yang paling mutakhir sila lihat Hakimi Ibrahim, dalam "*Globalisasi: Peranan Ekonomi dan Kewangan Islam*" ed. Nik Mustapha Nik Hasan, 1999.

²⁹ Lihat Mansor Jusoh, *Inflasi*, 1990, m.s. 1-3.

Gejala buruk antara wang dan inflasi adalah suatu yang amat sukar untuk dipisahkan. Bahkan bagi sebahagian ahli ekonomi, khususnya ahli ekonomi Islam persoalan ini mustahil dapat diatasi. Ini adalah kerana mereka berpendapat bahawa, kelemahan sistem mata wang yang wujudnya inilah yang melahirkan masalah inflasi. Oleh itu selagi sistem mata wang yang ada tidak diubah, maka selagi itulah masalah ini akan berterusan dalam ekonomi dan sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Walaupun ada pendapat yang mengatakan bahawa ianya boleh berhenti, tetapi hakikatnya ia terus merayap ke arah peningkatan seumpama "api dalam sekam". Ia pada akhirnya akan melahirkan masyarakat yang jurang pendapatannya terlalu tinggi. Dan kekayaan akan lebih tertumpu kepada golongan pemodal atau golongan kaya sahaja. Masalah ini sejak dari awal lagi telah ditegah oleh Allah melalui firmanNya yang bermaksud:

"Supaya harta itu tidak beredar di kalangan orang-orang kaya antara kamu sahaja".

(al-Qur'an, al-Hasyr 59:7)

Keadaan ini sebenarnya jelas terbukti dengan keadaan kadar harga yang berlaku dalam negara kini. Bandingkan harga pada tahun 70an dahulu dengan harga pada tahun 1999. Contohnya harga gula atau beras pada masa itu dengan kadar harga semasa. Ia jelas menunjukkan peningkatan yang berterusan. Oleh itu peningkatan harga yang berterusan dengan nisbah pembayaran upah yang tidak setimpal dengan keadaan ekonomi maka golongan kelas pekerja khususnya, akan terus dibebani dengan masalah kewangan. Seorang graduan yang bekerja disektor awam pada tahun 70an menerima kadar upah yang meletakkannya dalam kelas menengah. Dia mampu untuk memiliki sebuah rumah atau kereta yang sederhana harganya dengan tempoh nisbah pembayaran yang pendek. Namun pada hari ini seseorang graduan yang menyertai sektor awam akan meletakkan diri mereka pada tahap kemiskinan. Sekiranya ingin memiliki rumah atau kenderaan yang sederhana harganya, dia terpaksa membayar pada tempoh masa yang lama atau sehingga pencen atau menjangkau selepas pencen.

Terbukti bahawa mata wang ini ialah telah melahirkan masalah inflasi. Ia bererti terlalu banyak wang yang mengejar barangan yang terhad atau juga bermaksud cukai tersirat disebabkan lebihan penawaran wang. Bagi sesetengah ahli ekonomi inflasi juga dianggap sebagai perampas nilai.

Perdagangan Mata Wang

Sejak dari wang diperdagangkan, pasaran tukaran wang asing telah membentuk satu sistem urusniaganya yang tersendiri. Tidak seperti bursa saham, urusniaga wang ini dikendalikan oleh bank dengan bank atau bank dengan pelanggan menggunakan telefon, faks atau teleks. Mereka boleh berniaga secara langsung sesama mereka atau melalui syarikat broker pertukaran mata wang. Ruang masa pertukaran adalah tidak terhad oleh masa dan beroperasi 24 jam. Ini adalah kerana akan sentiasa ada satu pasaran pertukaran mata wang yang aktif.

Secara ringkasnya perniagaan pertukaran mata wang ini bersifat teknikal dan memerlukan pemahaman dan sedikit pengalaman. Perniagaan ini boleh dibuat dalam bentuk spot atau hadapan. Kadar spot bermaksud kadar pertukaran segera sama ada yang dibeli atau dijual dan diselesaikan transaksi tersebut pada masa itu juga. Namun proses sebenar transaksi perlu disempurnakan dalam tempoh 2 hari bekerja dari tarikh kontrak itu dipersetujui. Contohnya seorang pengeksport mahu menunaikan bil pertukarannya dalam RM. Oleh kerana kebiasaannya perdagangan akan berdasarkan mata wang Dolar AS, maka pihak bank akan memberikan kadar jualan dan belian spot bagi Dolar AS berdasarkan tarikh pembelian dan penjualan.³⁰

Manakala bagi kadar pertukaran hadapan pula, ia merupakan kadar sebutan semasa bagi belian atau jualan sejumlah mata wang tertentu berdasarkan masa yang ditetapkan pada masa hadapan. Kadar sebutan ini ditentukan sewaktu kontrak itu dilakukan dan pembayarannya akan ditangguhkan pada tempoh tertentu seperti 30,60,90 atau 180 hari. Kadar pertukaran ini dikenali sebagai margin atas kadar spot. Margin ini pula berada dalam dua keadaan, iaitu premium atau diskaun. Dalam keadaan premium, mata wang itu adalah lebih mahal untuk dibeli berbanding dengan kadar spot. Sebaliknya keadaan diskaun pula menggambarkan mata wang itu lebih murah berbanding kadar spot. Contohnya seorang peniaga Malaysia telah melakukan kontrak pembelian Pound Sterling dua bulan hadapan dan kadarnya seperti berikut:

Pound Sterling	RM6.7870
Dua bulan	.0010 dis
Kadar hadapan	RM6.7860

Contoh di atas menunjukkan Pound Sterling berada dalam keadaan diskaun di pasaran hadapan. Keadaan ini bererti peniaga tersebut akan membeli

³⁰ Rosli, *op.cit*, m.s. 72-73

Pound Sterling pada kadar yang lebih murah selepas tempoh dua bulan. Sebaliknya jika Pound berada dalam keadaan premium, peniaga itu terpaksa membuat bayaran yang lebih di pasaran hadapan. Sebenarnya kontrak hadapan ini pada prinsipnya bagi melindungi seseorang peniaga daripada kerugian akibat dari masalah perubahan kadar pertukaran asing ini, khususnya yang melibatkan perdagangan antarabangsa. Ia juga berfungsi sebagai satu perancangan awal bagi mengetahui jumlah perolehan mata wang tempatan atau yang perlu digunakan bagi membuat bayaran.

Satu aspek yang juga memainkan peranan penting dalam pertukaran wang asing ialah arbitraj. Ia merupakan satu bentuk perniagaan yang memanipulasikan pembelian pada pasaran yang lemah dan penjualan pada pasaran yang teguh. Melalui arbitraj dikatakan akan wujud keseimbangan pada nilai tukaran asing di pasaran. Tujuan utama pengarbitraj ialah mendapatkan keuntungan melalui kadar pertukaran beberapa mata wang asing yang berbeza kadar pertukarannya di beberapa pasaran. Contohnya seperti berikut:

Kuala Lumpur	RM1.00	=	Aus\$2.00
Bangkok	10 Bath	=	RM1.00
Sydney	Aus\$1.00	=	Bath 4

Berdasarkan kedudukan kadar ini, pengarbitraj akan membeli Bath di Bangkok dengan kadar 10 Bath untuk setiap satu ringgit dan akan menjual mata wang ini di Australia. Pengarbitraj ini akan mandapatkan Aus\$2.50 bagi setiap 10 Bath. Dolar Australia ini akan ditukar pula di Kuala Lumpur bagi mendapatkan RM dengan kadar pertukarannya sebanyak Aus\$2.00 bagi setiap satu RM. Hasilnya ialah, pengarbitraj ini mendapat 25 sen bagi setiap satu RM yang telah dibelanjakannya. Proses pemukaran atau jual beli wang ini dilakukan dengan serta merta dan dengan ini dia tidak akan menanggung apa-apa risiko kerugian. Keadaan atau peluang ini sentiasa berterusan sehinggalah wujudnya keseimbangan di pasaran-pasaran ini.³¹

Telah dimaklumi sebelum ini, bahawa kadar pertukaran mata wang asing secara prinsipnya dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran wang di pasaran. Jika permintaan melebihi penawaran, maka nilai wang itu akan meningkat dan begitu juga sebaliknya. Walau bagaimanapun terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi persoalan nilai pertukaran wang ini iaitu:

³¹ *Ibid*, m.s. 84-85

- a. Spekulasi
- b. Kadar inflasi
- c. Perbezaan kadar faedah
- d. Persoalan imbangan pembayaran
- e. Campur tangan kerajaan.
- f. Kestabilan politik
- g. Pelbagai faktor asas dan semasa.³²

Alternatif Kepada Persoalan Ini

Masalah mata wang kini telah banyak memberi kesan yang buruk kepada umat manusia. Ianya telah dirasakan oleh semua pihak dalam sesebuah masyarakat. Bahkan golongan yang tidak terlibat dengan perniagaan mata wang juga mungkin turut menerima bencana yang lebih teruk dibandingkan dengan mereka yang tidak terlibat dengan gejala ini. Contohnya masalah beban hutang yang berlaku kepada mana-mana negara. Jika dahulu sesebuah negara itu telah menanggung beban hutang sebanyak RM100 bilion, tetapi sekarang beban hutang itu telah meningkat mungkin melebihi sekali ganda. Lebih menyiksakan lagi apabila ditambah dengan beban kadar bunga. Oleh itu cara penyelesaian hutang ini ialah tidak lain dengan dipindahkan kepada rakyat dalam negara berkenaan, tanpa mengira miskin atau kaya. Bahkan makin miskin seseorang itu semakin besar tekanan yang akan dihadapinya. Semuanya ini akan dirasakan dengan berlakunya kenaikan cukai langsung dan cukai tidak langsung. Di samping itu juga ditambah dengan beban inflasi yang terus meningkat tanpa henti.

Menyedari betapa sistem mata wang masa kini boleh dan telah banyak menimbulkan masalah kepada manusia seluruhnya, maka satu alternatif lain perlu dikemukakan dalam menangani persoalan ini. Dan asas kepada persoalan ini ialah, salah guna wang dalam sistem kewangan. Ini adalah kerana ianya telah terpesong dari tujuan asal wang digunakan. Sehubungan dengan ini Islam dengan sifat pencegahan, telah pun dari awal lagi menetapkan bahawa kegunaan mata wang mestilah berasaskan objektif sebenar wang, iaitu sebagai alat perantaraan pertukaran dan bukan sebagai alat pertukaran atau sebagai satu komoditi yang boleh diurusniaga sama seperti komoditi-komoditi yang lain.

Walau bagaimanapun masalah ini bukanlah satu yang mudah tetapi membabitkan satu perubahan sistem yang amat kompleks. Ini adalah kerana faktor wang sebagai komoditi telah menjangkau keseluruhan sistem ekonomi dan

³² *Ibid*, m.s. 85-89

kewangan manusia di seluruh dunia. Lebih-lebih lagi dengan adanya sistem wang maya yang sekali lagi merupakan satu yang amat sukar untuk ditolak oleh manusia kini sebagai satu kemudahan yang amat berfaedah dan mudah. Oleh itu sifat realistik wang seumpama ini memerlukan alternatif satu sistem mata wang yang lebih viable dan komprehensif.

Kaedah penggunaan mata wang logam yang bernilai seperti emas dan perak, seperti yang telah dipraktikkan dalam tamadun Islam adalah yang terbaik bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud. Ia merupakan satu alternatif yang terbaik. Sejarah Islam dengan jelas memprakui emas dan perak sebagai wang. Wang tidak boleh dimakan usia, rosak atau disusut nilai atau dicetak. Oleh yang demikian tidak ada lagi faktor inflasi atau perjudian indeks simbol wang. Seekor ayam masih boleh dibeli pada harga wang *sedirham* walaupun selepas 1,400 tahun. Ini jelas betapa masalah inflasi dapat dibendung sama sekali hingga ke akar umbi.

Bagi menjadikan kaedah ini lebih realistik, percubaan perlu dilakukan secara praktikal. Ia boleh dimulakan di kawasan yang batas sempadannya kecil, contohnya di negeri Kelantan dan dikembangkan ke peringkat yang lebih luas sehingga ke negara -negara Islam yang lain.

Kaedah ini mesti dikawal selia oleh satu institusi yang mempunyai otoriti seperti baitulmal negeri. Setiap wang yang dikeluarkan mestilah menepati piawaian yang sah dan setimpal dengan harga wang tersebut. Kemudian kaedah ini dimajukan di peringkat antarabangsa. Pertubuhan negara-negara Islam OIC yang dapat menerima pakai sistem perdagangan antarabangsa Islam, boleh dikembangkan lagi peranan ini dalam sistem mata wang.

Kaedah sistem sandaran nilai juga merupakan satu alternatif lain yang perlu difikirkan kembali. Ia juga amat sesuai dengan era wang maya. Kemungkinan masalah fizikal logam yang terdiri dari kepingan emas dan perak asli boleh mendatangkan kesan-kesan negatif lain seperti soal keselamatan, maka sistem ini boleh dijadikan pilihan. Ia boleh terus dikembangkan mengikut peredaran zaman seperti era digital ini, tetapi tetap diikatkan dengan emas tulin. Dengan kaedah ini wang akan terus dengan peranan hakikatnya iaitu sebagai alat perantaraan pertukaran dan bukan sebagai satu komoditi yang tersendiri dan boleh diperdagangkan.

Kesimpulan

Persoalan mata wang ini adalah satu masalah sejagat tanpa mengenal erti adil atau ihsan, kaya atau miskin dan Islam atau bukan Islam. Dalam konteks Islam persoalan ini juga terpisah di antara sistem ekonomi dan kewangan Islam dengan mata wang Islam itu sendiri. Tanpa mata wang yang berpaksikan Islam, maka sistem ekonomi dan kewangan Islam tidak sempurna kerana ciri-ciri mata wanglah yang melatari dan mewarnai sistem ini.

Wang dalam konteks semasa tidak lagi selamat untuk disimpan walaupun di bank-bank atau di institusi-institusi kewangan. Ini adalah kerana ia telah dirampas atau disarun nilainya secara sah, walaupun tidak dipersetujui oleh penyimpannya. Kuasa pasaran terbuka sekarang boleh menyusutkan nilai wang dalam tempoh yang amat singkat. Secara undang-undang penyimpan akan memperolehi faedah atau bunga hasil dari simpan itu. Namun ia sebenarnya hanya merupakan pembetulan kepada susut nilai yang telah berlaku dan kemungkinan tidak setara dengan apa yang telah berlaku. Bagi mereka yang tidak menyimpan, menabung atau melabur pada tempat yang betul, bahananya amat merugikan.

Bagi masyarakat awam yang tidak memahami masalah ini, mereka beranggapan bahawa golongan yang terbabit dengan aktiviti tukaran mata wang asing atau pasaran modal yang merasai kesannya. Namun pada hakikatnya ia turut serta memikul bebanan ini secara langsung sama ada pada barga barang atau melalui cukai yang tersirat.

Oleh itu kesedaran terhadap mata wang adalah sangat penting kepada setiap individu, khususnya sebagai seorang mukmin. Keyakinan yang tidak berbelah bagi terhadap sunnah wajib Rasulullah s.a.w. sepatutnya menjadi satu medan perjuangan. Kesempurnaan perjuangan ini tidak lain dengan meletakkan syariat Islam sebagai alternatif terbaik dalam sistem/dasar secara kolektif. Adalah mustahil masalah ini dapat diselesaikan dengan hanya mendirikan bank-bank, kaunter-kaunter dan pasaran modal Islam semata-mata tanpa melibatkan perkara-perkara asas di peringkat sistem. Dengan menyedari betapa sulitnya perkara ini untuk dicapai, sewajarnya kaedah fiqh ini digunakan iaitu "*Apa yang tak dapat dibuat kesemuanya jangan ditinggalkan kesemuanya*".

BIBLIOGRAFI

1. Abdul Mun'im, *Ensiklopedia Ekonomi Islam*, jld. 2, Kuala Lumpur: DBP, 1992.

2. Abu Abdullah Malik Bin Anas, *Kitab Al-Muwatta*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, 1983.
3. Ali Maqrizi, *Al-Nuqud al-Islamiyyah*, Beirut: 1967.
4. Berita Harian, 9 Jun, 1998.
5. *Dewan Masyarakat*, Feb, 1993.
6. Hakimi Ibrahim, '*Globalisasi: Peranan Ekonomi dan Kewangan Islam*', ed. Nik 7., Mustapha Hasan, Kuala Lumpur: IKIM, 1999.
7. Mahmud Abu Saud, 'Money, Interest and Qirad dalam "*Studies in Islamic Economics*"', ed. Khurshid Ahmad, Leicester: The Islamic Foundation, 1980.
8. Mansor Jusoh, *Inflasi*, Kuala Lumpur: DBP, 1990.
9. Nik Mustapha Nik Hasan, *Peranan Wang*, dalam Kursus Ekonomi Islam di ITM, Shah Alam, 1987.
10. Rosli Mahmood, *Perdagangan Antarabangsa Konsep, Amalan dan Pembiayaan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1998.
11. *Tamadun*, Feb, 1998.
12. *Tamadun*, Julai, 1998.
13. *Tamadun*, Sept, 1998.
14. *The Encyclopaedia of Islam*, vol 3, Leiden: E.J Brill, 1983.
15. Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh dan Perundangan Islam* (terj), jld.4, Kuala Lumpur: DBP, 1995.
16. William Kazan, *The Coinage Of Islam*, Beirut: Bank Of Beirut, 1983.
17. Yusuf Qardawi, *Fiqh al-Zakat*, 2 jld., Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1985.